

# KE MANA KITA HENDAK DIBAWA...?

## PERIHAL PENGAKAP DAN PERKARA-PERKARA SUMPAAH SALAH DALAM HUKUM AGAMA?

Masalah yang ditulis di bawah ini ialah masalah yang terbiar beberapa lamanya harus tidak dibahas dan tidak diselidiki oleh ulama-ulama barangkali oleh kerana mereka hanya memandang, sebagaimana kebanyakan orang juga memandang bahawa perkara ini kecil dan tidak patut dibahas. Tujuan kita menyiarkan makalah ini sekali-sekali tidak bertujuan kerana membenci sesuatu gerak yang telah berlaku dan sangat digalakkan tetapi adalah semata-mata supaya membawa perhatian kepada mereka yang berkenaan untuk mengetahui hal-hal yang terjadi yang dengan mudah mudahan menjadi keinsafan dan kesedaran mencari suatu jalan supaya terlepas atau jangan melanggar perkara-perkara yang harus dan patut dijaui sekiranya ia kasih kepada agama.

(Oleh Ahmad Lutfi)

Beberapa orang sahabat saya telah membawa perhatian saya kepada sebuah gambar yang tersiar di dalam akhbar Inggeris yang menunjukkan bahawa tiga orang pengakap muslimin sedang bersumpah di hadapan seorang ketua pengakap dengan mengangkat tangan kanannya setinggi bahu dengan mendirikan tiga anak jari. Sahabat-sahabat saya itu menyatakan apakah sumpah itu tidak menyalahi kepada syarak atau bagaimana. Oleh kerana yang demikian itu telah berjalan beberapa lamanya maka boleh sungguh perkara ini dibahas supaya jika salah berbalik ke pangkal, rujuk kepada yang benar.

Setelah saya mendengar dan memerhati yang demikian itu maka saya teringat kepada suatu makalah yang ditulis oleh (al-Khattat) di dalam sebuah majalah Indonesia beberapa lama dahulu membahas di dalam perkara ini. Menurut pendapatannya bahawa sebenarnya ada kebaikan menjadi pengakap itu oleh kerana ia mengajar:

- (1) Menolong makhluk yang teraniaya dan sengsara walau haiwan sekalipun,
  - (2) Hidup sederhana dan tahan sabar dalam kesengsaraan hidup, dan
  - (3) Mengadakan senaman dengan segala jenis alat dan caranya.
- Jika dipandang kepada cara didikan itu tentulah bagus disetujui oleh undang-undang dunia dan agama dan

diakui oleh sekalian orang atas kebajikannya tetapi, katanya, sayang didikannya yang baik itu berbekas hanya dalam masa murid menjadi pengakap atau dalam masa berpakaian pengakap sahaja dan sesudah itu tidak berbekas dan tidak terlihat lagi. Ia menerangkan tentang buruk dan baiknya satu persatua dan diantara didikan-didikan itu, menurut pendapatannya, boleh dikatakan di dalamnya ada didikan yang bertujuan menghapuskan syiar Islam. Segala keburukan-keburukan itu sangat payah dikesan oleh sebab yang terbanyaknya tidak mahu memandang kepada yang buruknya dan setengah-setengah orang atau ibu bapa jika ditegur di dalam perkara ini ia kelak akan berkata: "Tuan hanya bertujuan menghasut jua."

Menurut pendapat penulis itu keburukan-keburukan yang terang melanggar hukum-hukum dan syiar Islam itu ada beberapa macam di antaranya:

Selama diganti dengan angkat tangan sejari, dua jari, tiga jari, empat jari dan lima jari, pada hal sejari itu menurut hadis Nabi Muhammad (SAW) adalah ia perbuatan Yahudi, sabdanya yang maksudnya: "Seseorang memberi salam dengan isyarat satu jari itu ialah perbuatan Yahudi" – (Hadis sahih riwayat Abu Ya'la, Tabrani dan Baihaqi).

Selama yang tiga jari ini ialah satu contoh daripada kaum Kristian terutamanya pula cara mengangkat tangan di dalam bersumpah pula selain daripada syarat tiga jari itu

adalah sama dengan syarat sumpah Kristian. Kedua-dua kaum itu memangnya sentiasa berdaya upaya menarik manusia mengikut agama mereka seperti firman Allah (dalam surah al-Baqarah ayat 120) yang maksudnya: “Dan orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan reda kepadamu sehingga engkau mengikut agama mereka katakanlah bahawa petunjuk Allah itu ialah sebenar-benar petunjuk dan sesungguhnya jika engkau turut kemahuan mereka sesudah datang pengetahuan kepadamu maka tiadalah engkau mendapat jagaan dan pertolongan daripada Allah.”

Berkenaan dengan memberi salam dua jari dan empat jari itu entah dari mana datangnya tidak diketahui.

Islam memberi salam kepada sesama Islam adalah anjuran yang sangat baik didapati ketengannya di dalam hadis Nabi (SAW) yang diantaranya: “Bahawa seseorang lelaki pernah bertanya kepada Nabi – Apakah perbuatan Islam yang paling baik?

Rasulullah menjawab: Engkau memberi makan dan mengucapkan salam kepada orang yang engkau kenal dan kepada orang yang tidak engkau kenal.” Sekianlah pendapat penulis itu.

Sekarang kita perhati bagaimana cara sumpah yang dilakukan itu itu. Kelakuan dan gaya daripada sumpah itu selain daripada jari itu hampir-hampir tidak ada bezanya dengan sumpah cara Kristian oleh kerana orang-orang Kristian itu bersumpah meluruskan tapak tangannya sedang pengakap itu menaikkan tiga jarinya dengan ibu jari dan kelingking digenggam. Saya berharap yang demikian ini dapat perhatian daripada ulama.

Terlanjur mempercakapkan perihal pengakap itu maka ada lagi suatu perkara yang sentiasa dilakukan iaitu perayaan yang disebut mereka dengan “kem papayar” iaitu mereka berkumpul menghadapi api yang dinyalakan mereka di tengah-tengah kumpulannya.

Ulama Indonesia telah pernah menyatakan bahawa kelakuan itu ialah menyembah api tetapi penganjur-penganjur pengakap membantah mengatakan: “Kami tidak menyembah api – api itu hanya sebagai suluh jua.” Lain ketua pula berkata: “Api itu dinyalakan untuk menghalau nyamuk”

Keterangan-keterangan ini telah dibidang oleh ulama mengatakan alasan ketua-ketua pengakap tersebut sebagai suatu hujah

yang diada-adakan sahaja. “Memang begitu pada mulanya sebagaimana kaum nabi Nuh menyembah Wadd, Suwaa’, Ya’uq dan Nasr mula-mulanya mereka tidak menyembah patung orang-orang yang telah mati itu tetapi mereka hanya jadikan peringatan dan lain-lain tetapi akhirnya dengan terang-terang mereka menyembah riwayatnya terang diceritakan Allah di dalam al-Quran “ – Kata ulama itu.

Dengan ini terang sekalipun perbuatan itu tidak dengan niat tetapi tabiat dan kelakuannya bolehlah dinisbahkan terang-terang menyembah api apalagi pula di sana diadakan campuran di antara lelaki dengan perempuan yang membawa kepada tegahan yang tepat daripada agama.

Saya berharap tulisan ini akan ditatap dengan cermat oleh penggemar-penggemar dan penggalak-penggalak kepada gerak pengakap sebelum mereka mengikut perasaan hawa nafsu mereka dan sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keterangan yang tersebut ini saya syorkan supaya mereka itu meminta keterangan ulama tentang ini atau meminta fatwa daripada sesuatu jabatan agama supaya barang yang salah itu, sekiranya salah data diperbaiki – sesat di jalan, balik ke pangkal adanya.



*Ahli-ahli pengakap Islam yang mengadakan suatu istiadat sumpah menjadi pengakap di hadapan Datuk Syed Ahmad Al-Saggof yang telah diadakan baharu-baharu ini di Singapura. Renung dan perhatilah gambar ini kemudian fikirkan dengan rencana yang ditulis di ruangan ini.*

*-Gambar Straits Times.*